

# Kuota haji tahun depan kekal 30,200

➔ Kerajaan sudah mohon tambah bilangan sesuai pertumbuhan penduduk

BHarian - 14/12/18 (M/S 9)  
Oleh Irwan Shafrizan Ismail  
irwansha@nstp.com.my

▀ Sepang

**K**uota haji jemaah Malaysia untuk musim haji tahun depan kekal sebanyak 30,200 orang, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mujahid Yusof

Beliau bagaimanapun berkata, pihaknya sudah mengemukakan permohonan kepada kerajaan Arab Saudi supaya kuota haji itu ditambah.

Katanya, ia berikutan jumlah penduduk Malaysia kini meningkat kepada 31 juta.

"Perkara itu saya maklumkan kepada Menteri Haji dan Umrah Arab Saudi, Dr Mohammad Saleh Taher Benten, pada Mesyuarat Tahunan Menteri-Menteri Haji yang berlangsung di Jeddah, semalam (kelmarin).

## Minta tambahan 0.1 peratus

"Jika jumlah pertumbuhan penduduk Malaysia itu diambil kira, kita sepatutnya mendapat kuota 31,200 jemaah atau yang ditentukan berdasarkan 0.1 peratus jumlah penduduk sesebuah negara mengikut ketetapan diletakkan

oleh Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) sejak 10 tahun lalu.

"Namun, kita tunggu apa reaksi mereka. Buat masa ini, kuota 30,200 orang masih kekal bagi Malaysia," katanya di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), di sini, semalam.

Pada masa sama, Mujahid berkata, kelancaran Program Pra Pelepasan Haji yang dilaksanakan di Malaysia tahun ini akan diambil kira Kerajaan Arab Saudi untuk meneruskan inisiatif itu pada musim haji 2019.

Beliau berkata, Kerajaan Arab Saudi memuji dan mengiktiraf kecakapan pengurusan Lembaga Tabung Haji (TH) dalam mengendalikan perjalanan ibadah jemaah pada musim haji kali ini.

"Tabung Haji ini antara institusi pengurusan haji terbaik di dunia, ia antara disebut dalam mesyuarat itu dan mereka agak kagum pe-



Buat masa ini, kuota 30,200 orang masih kekal bagi Malaysia"

**Mujahid Yusof,**  
Menteri di Jabatan  
Perdana Menteri

ngurusan dikendalikan kita.

## Akhlag mulia jemaah Malaysia

"Mereka juga kagum dengan akhlak mulia jemaah Malaysia, yang sering menjadi buah mulut jemaah haji negara lain," katanya.

Selain itu, Mujahid sekali lagi memaklumkan, kos menunaikan haji sehingga kini masih kekal seperti sebelum ini iaitu RM9,980.

Ditanya mengenai kenyataannya yang dikatakan berbeza dengan bekas Pengerusi TH, Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim berkaitan isu kewangan badan itu, Mujahid berkata, paling penting adalah untuk memulihkan agensi itu.

"Kita kekal dengan perancangan kita. Paling penting, agensi ini dapat dipulihkan menerusi pelan dirancang, sekali gus dapat memberi perkhidmatan terbaik kepada umat Islam," katanya.